

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)9

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

9. Apakah ada perancangan untuk menaik taraf parit-parit atau longkang kepada *monsoon drain* di Kampung Kota, Kampung Pengkalan Tambang dan Kampung Permatang Tengah?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri melalui Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah (PDT) sentiasa memberi perhatian dan mengambil tindakan proaktif terhadap aduan-aduan yang diterima dari Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (ADUN), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan orang awam terutamanya melibatkan isu-isu infrastruktur. PDT memantau keadaan parit dan longkang di kawasan kampung dari semasa ke semasa bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan baik.

Hasil siasatan akan disemak dengan agensi-agensi teknikal berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP), Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) dan Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melihat keperluan semasa projek. Setiap projek yang akan dilaksanakan termasuklah naik taraf parit monsun juga adalah tertakluk kepada kebenaran tuan tanah bagi tanah-tanah yang melibatkan hakmilik dan ketersediaan peruntukan semasa.

Untuk tahun 2023, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSPPT) telah melaksanakan tiga (3) kerja penyelenggaraan dan naik taraf di kawasan tersebut seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan. PDTSPPT juga mempunyai perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf parit dan longkang di Kampung Kota dan Kampung Pengkalan Tambang. Permohonan peruntukan telah dibuat kepada Projek Infrastruktur MADANI (PRISMA) dan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS). Kerja-kerja naik taraf tersebut akan dilaksanakan setelah peruntukan diluluskan.